



**BAKTI...**tidak kira bangsa dan agama, warga UPM tidak ketinggalan membantu dan menderma untuk tabung amanah kebajikan pelajar. - gambar hiasan

# MPPUPM tubuh tabung bantu pelajar

**B**AGI menjaga kebajikan warga Universiti Putra Malaysia (UPM), Majlis Perwakilan Pelajarnya (MPP) dengan kerjasama Majlis Tertinggi Pelajar Kolej Kediaman (MTPKK), menubuhkan Tabung Amanah Kebajikan Pelajar khusus membantu mereka yang memerlukan.

Presiden MPPUPM, Mohd Syamsul Salleh, berkata penubuhan tabung amanah kebajikan pelajar ini cetusan idea barisan MPP bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan.

Beliau berkata, melihat kutipan yang diperoleh dan sokongan warga UPM, pengurusan universiti mencajangkan tabung itu diteruskan untuk kebajikan pelajar.

"Setiap pelajar yang mempunyai masalah terutama kewangan akan merujuk kepada bahagian hal ehwal pelajar untuk meminta bantuan

"Namun, untuk mendapatkan bantuan itu, mereka perlu menunggu sedikit masa bagi proses kelulusan.

"Kami berharap tabung ini membantu pelajar yang memerlukan secepat mungkin bagi membolehkan mereka belajar tanpa gangguan," katanya.

Syamsul berkata, tabung hasil kerjasama MTPKK dapat merapatkan hubungan barisan MPP dengan warga UPM.

"Dari segi kebajikan, pelajar



**SYAMSUL...bantu pelajar**

sangat jauh daripada MPP kerana tidak mempunyai dana membantu jika mempunyai masalah.

"Jadi dengan adanya tabung ini, pelajar boleh mendapatkan bantuan terus daripada MPP dan merapatkan hubungan antara kami warga UPM," katanya.

Dalam usah mengumpul dana, MPP dan MTPKK merancang pelbagai program dan aktiviti amal untuk membantu mengisi tabung itu.

Menurutnya, dia mencajangkan tabung ini kepada semua MPP di institusi pengajian tinggi.

"Tabung ini meringankan beban warga universiti selain membuktikan barisan MPP sentiasa bersama pelajar menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan," katanya.